

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 10 Disember 2024

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

LAPORAN SURVEI GAJI & UPAH, MALAYSIA, 2023

Sektor Perlombongan & pengkuarian kekal mencatatkan purata gaji & upah bulanan tertinggi sebanyak RM5,623 pada tahun 2023, manakala terendah dicatatkan oleh sektor Pertanian pada RM2,204

PUTRAJAYA, 10 Disember 2023 – Sektor Perlombongan & pengkuarian kekal mencatatkan purata gaji & upah bulanan tertinggi sebanyak RM5,623 pada tahun 2023, manakala terendah dicatatkan oleh sektor Pertanian pada RM2,204, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini dalam **Laporan Survei Gaji & Upah, Malaysia, 2023**. Statistik ini dikumpul berdasarkan **Survei Gaji & Upah yang dijalankan oleh DOSM melalui pendekatan isi rumah** untuk mengukur gaji & upah bulanan yang diterima oleh pekerja sepenuh masa dalam kalangan warganegara Malaysia yang bekerja di sektor awam dan swasta berdasarkan pekerjaan utama mereka. Daripada jumlah 15.81 juta pekerja yang direkodkan pada tahun 2023, bilangan pekerja sepenuh masa dalam kalangan warganegara Malaysia adalah seramai 10.11 juta orang.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Semua sektor ekonomi mencatatkan peningkatan dalam purata gaji & upah bulanan pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya. Sektor Perlombongan & pengkuarian merekodkan purata gaji & upah bulanan tertinggi sebanyak RM5,623, diikuti oleh sektor Perkhidmatan sebanyak RM3,619, yang disumbangkan oleh subsektor Pendidikan, Maklumat & komunikasi serta Aktiviti kesihatan manusia dan kerja sosial. Seterusnya, sektor Pembuatan dengan purata sebanyak RM3,052, manakala sektor Pembinaan dan Pertanian masing-masing mencatatkan purata gaji & upah bulanan sebanyak RM2,903 dan RM2,204."

Pada tahun 2023, pasaran buruh Malaysia terus mencatatkan pertumbuhan yang kukuh selari dengan pertumbuhan ekonomi yang stabil dan pelaksanaan dasar yang efektif. Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan merupakan dua sektor ekonomi penyumbang utama kepada guna tenaga dan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara, yang mencatatkan pertumbuhan sederhana sebanyak 3.6 peratus pada tahun 2023.

Laporan Survei Gaji & Upah 2023 menunjukkan perkembangan positif dalam bilangan penerima dan tahap gaji & upah. Penengah gaji & upah bulanan bagi warganegara Malaysia meningkat kepada RM2,602, mencerminkan pertumbuhan yang stabil daripada RM2,429 pada tahun 2022^r. Begitu juga, purata gaji & upah bulanan meningkat kepada RM3,441 berbanding RM3,219 yang dicatatkan pada tahun 2022^r. Penambahbaikan ini adalah hasil daripada pelbagai inisiatif pemantapan ekonomi yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti hidup tenaga buruh di Malaysia.

Dalam kenyataannya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Purata gaji & upah bulanan bagi pekerja mahir meningkat sebanyak 7.5 peratus, mencatatkan peningkatan RM364 kepada RM5,242 (2022^r: RM4,878). Dalam kalangan pekerja mahir, kategori Pengurus kekal merekodkan purata gaji & upah bulanan tertinggi sebanyak RM6,640, meningkat sebanyak 5.1 peratus berbanding RM6,319 pada tahun 2022^r dan diikuti oleh Profesional (RM6,139) dan Juruteknik & profesional bersekutu (RM3,854). Selain itu, purata gaji & upah bulanan bagi pekerja separuh mahir meningkat kepada RM2,475 (2022^r: RM2,335), terutamanya disumbangkan oleh Pekerja sokongan perkeranian (RM2,789), diikuti oleh Pekerja perkhidmatan & jualan (RM2,421), Pekerja kemahiran & pertukangan (RM2,385) serta Operator mesin dan pemasang (RM2,311). Sementara itu, purata gaji & upah bulanan bagi kategori berkemahiran rendah yang merangkumi Pekerja asas, meningkat sebanyak RM147 kepada RM1,982 berbanding RM1,835 pada tahun sebelumnya."


Mengulas lebih lanjut mengenai gaji & upah bulanan mengikut strata, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Purata gaji & upah bulanan bagi kawasan bandar dan luar bandar mencatatkan trend peningkatan berbanding tahun 2022^r kepada RM3,580 bagi kawasan bandar dan RM2,608 bagi kawasan luar bandar. Secara khususnya, purata gaji & upah bulanan di kawasan bandar mencatat pertumbuhan 6.7 peratus (2022^r: RM3,354, +5.2%), manakala kawasan luar bandar mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 9.9 peratus (2022^r: RM2,374, +8.6%). Mengikut negeri, penemuan menunjukkan bahawa W.P. Putrajaya mencatatkan purata gaji & upah bulanan tertinggi sebanyak RM4,858. Selain itu, empat negeri lain melepassi paras purata nasional pada RM3,441, iaitu W.P. Kuala Lumpur (RM4,521), Selangor (RM3,885), W.P. Labuan (RM3,636), dan Pulau Pinang (RM3,557)."

Merumuskan situasi keseluruhan bagi tahun 2023, Ketua Perangkawan berkata, "Peningkatan dalam penengah dan purata gaji & upah bulanan ini disumbangkan oleh aktiviti ekonomi dan sosial yang berterusan, didorong oleh peningkatan ketibaan pelancong, pemulihian perdagangan antarabangsa serta kedudukan pasaran buruh yang lebih baik, terutamanya dalam sektor Perkhidmatan."

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog dan visualisasi untuk memudahkan analisis pengguna dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (*MyStats Day*) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema *MyStats Day* ialah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut Jubli Intan ke-75 pada tahun 2024.

Carta 1: Penengah Gaji & Upah Bulanan, Malaysia, 2011-2023



Nota: ^r Semakan semula berdasarkan Banci Penduduk & Perumahan, Malaysia, 2020

Carta 2: Purata Gaji & Upah Bulanan, Malaysia, 2011-2023



Nota: ^r Semakan semula berdasarkan Banci Penduduk & Perumahan, Malaysia, 2020

Carta 3: Penengah dan Purata Gaji & Upah Bulanan mengikut Sektor, Malaysia, 2022^r dan 2023



Nota: ^r Semakan semula berdasarkan Banci Penduduk & Perumahan, Malaysia, 2020

Carta 4: Penengah dan Purata Gaji & Upah Bulanan mengikut Negeri, Malaysia, 2023



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

10 DISEMBER 2024

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hours, Tuesday, December 10th 2024

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

SALARIES & WAGES SURVEY REPORT, MALAYSIA, 2023

The Mining & quarrying sector recorded the highest mean monthly salaries & wages at RM5,623 in 2023, while the lowest recorded by Agriculture at RM2,204

PUTRAJAYA, December 10th, 2024 – The Mining & quarrying sector recorded the highest mean monthly salaries & wages at RM5,623 in 2023, while the lowest recorded by Agriculture at RM2,204, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in the release of **Salaries & Wages Survey Report, Malaysia, 2023**. These statistics are compiled based on the **Salaries & Wages Survey conducted by DOSM through a household approach** to measure the monthly salaries & wages received by the full-time equivalent of paid employees among Malaysian citizens working in the private and public sectors based on their main occupation. Out of 15.81 million total employed persons recorded in 2023, the number of full-time equivalents of paid employees among Malaysian citizens was 10.11 million persons.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “All economic sectors registered an increase in the mean monthly salaries & wages in 2023 compared to the previous year. The Mining & quarrying sector recorded the highest mean monthly salaries & wages at RM5,623, followed by Services at RM3,619, which was contributed by the Education, Information & communication and Human health and social work activities sub-sectors. The Manufacturing sector came next with the mean recorded at RM3,052, whereby the Construction and Agriculture sectors posted the mean monthly salaries & wages of RM2,903 and RM2,204 respectively.”

In 2023, Malaysia’s labour market continued to grow stronger due to steady economic growth and effective policy implementation. The Services and Manufacturing sectors played a key role, contributing significantly to employment and the country’s Gross Domestic Product (GDP), which grew moderately by 3.6 per cent in 2023.

The Salaries & Wages Survey Report 2023 revealed positive developments in the number of recipients and the level of salaries & wages. The median monthly salaries &

wages for Malaysian citizens increased to RM2,602, reflecting a steady growth from RM2,429 in 2022^r. Similarly, the mean monthly salaries & wages rose to RM3,441 compared to RM3,219 recorded in 2022^r. These improvements are the result of various economic strengthening initiatives that have been implemented to improve the quality of life of the Malaysian labour force.

In his statement Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The mean monthly salaries & wages for skilled employees edged up by 7.5 per cent, registering an addition of RM364 to RM5,242 (2022^r: RM4,878). Among skilled employees, the Managers category remained as the highest mean monthly salaries & wages at RM6,640, increased by 5.1 per cent as against RM6,319 in 2022^r and followed by Professionals (RM6,139) and Technicians & associate professionals (RM3,854). In addition, the mean monthly salaries & wages of semi-skilled employees rose to RM2,475 (2022^r: RM2,335) particularly contributed by Clerical support workers (RM2,789), followed by Services & sales workers (RM2,421), Craft and related trades workers (RM2,385) and Plant and machine-operators and assemblers (RM2,311). Meanwhile, the mean monthly salaries & wages for the low-skilled category, including Elementary workers, increased by RM147 to RM1,982 compared to RM1,835 in the previous year."


Commenting further on the salaries & wages by strata, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The mean monthly salaries & wages for both urban and rural areas recorded an upward trend as compared to 2022^r to record RM3,580 for urban areas and RM2,608 for rural areas. Specifically, the mean monthly salaries & wages in urban areas posted a growth of 6.7 per cent (2022^r: RM3,354, +5.2%), while rural areas exhibited a relatively more substantial growth of 9.9 per cent (2022^r: RM2,374, +8.6%). By states, the findings indicate that W.P. Putrajaya recorded the highest mean monthly salaries & wages at RM4,858. Additionally, four other states surpassed the national mean level of RM3,441, namely W.P. Kuala Lumpur (RM4,521), Selangor (RM3,885), W.P. Labuan (RM3,636), and Pulau Pinang (RM3,557)."

Concluding the overall situation in 2023, the Chief Statistician said, "The rise in median and mean monthly salaries & wages was contributed by the continuous economic and social activities, supported by the increase in tourist arrivals, international trade recovery and improvements in the labour market, especially in the Services sector."

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my> portal.


The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Chart 1: Median Monthly Salaries & Wages, Malaysia, 2011-2023




Note: ^r Revisions based on Populations and Housing Census, Malaysia, 2020

Chart 2: Mean Monthly Salaries & Wages, Malaysia, 2011-2023




Note: ^r Revisions based on Populations and Housing Census, Malaysia, 2020

Chart 3: Median and Mean Monthly Salaries & Wages by Sector, Malaysia, 2022^r and 2023



Note: ^r Revisions based on Populations and Housing Census, Malaysia, 2020

Chart 4: Median and Mean Monthly Salaries & Wages by State, Malaysia, 2023



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

10TH DECEMBER 2024